

# PELUANG KERJAYA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia Sdn Bhd (DDEC) anak syarikat Majlis Amanah Rakyat (MARA), adalah syarikat yang ditubuhkan untuk menerajui pembangunan reka bentuk dan kreativiti di Malaysia. DDEC menyediakan perkhidmatan reka bentuk, pembangunan produk dan perkhidmatan latihan kepada usahawan. DDEC mempelawa calon-calon yang berkelayakan, berpengalaman dan proaktif untuk memohon jawatan Ketua Pegawai Eksekutif DDEC.



## KELAYAKAN & PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak lebih dari 55 tahun pada tarikh tutup permohonan;
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf atau kelayakan yang setara dengannya. Pengalaman bekerja melebihi 10 tahun dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran syarikat serta mempunyai latar belakang dalam bidang Perniagaan/ Pemasaran/ Kewangan/ Perakaunan atau berkaitan. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai latar belakang dalam bidang Industri Kreatif & Reka Bentuk;
- Mempunyai prestasi cemerlang, memiliki sifat-sifat kepimpinan yang dinamik, berwawasan, mempamerkan keupayaan pemikiran baharu yang strategik, proaktif serta menunjukkan kepimpinan yang baik di dalam membuat keputusan dan dasar. Berkebolehan untuk mengurus hal-hal Pentadbiran, Kewangan, Sumber Manusia dan Aset bagi mencapai objektif syarikat; dan
- Calon yang mempunyai jaringan perniagaan yang baik, daya pemikiran yang strategik, nilai integriti yang tinggi, kemahiran komunikasi yang baik dan ciri-ciri keusahawanan yang dinamik digalakkan memohon.

## DESKRIPSI TUGAS

Ini adalah jawatan utama dan beliau akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelan strategik, integriti organisasi, pengurusan risiko dan melaksanakan polisi syarikat serta mempunyai peranan penting terhadap perjalanan keseluruhan dan kejayaan organisasi.

## TERMA & SYARAT

Jawatan ini berstatus kontrak. Gaji, elaun, terma dan syarat jawatan yang lain adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat.

Bagi calon yang memenuhi syarat-syarat berkenaan, sila kemukakan :  
Resume/Curriculum Vitae (CV) yang lengkap mengandungi maklumat peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja, gaji dimohon dan sekeping gambar bersaiz pasport kepada:

### Pengurus Kanan Kewangan & Pentadbiran

Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia Sdn Bhd

No 22 Jalan Kia Peng, 50450 Kuala Lumpur

T • 03 2161 9002 F • 03 2161 9003 E • aniza@ddec.my / aina@ddec.my

**TARIKH TUTUP  
PERMOHONAN  
7 JANUARI 2021**

Hanya calon yang disenarai pendek  
akan dipanggil untuk menghadiri  
sesi temuduga

M A L A Y S I A



DESIGN DEVELOPMENT CENTRE

ISO 9001:2015 CERT NO.: QMS 02072